

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [ TENOM ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN NOORITA BINTI SUAL [ TENOM ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan sebab-sebab serta langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi membantu para petani di Sabah yang berhadapan dengan kenaikan harga racun rumpai yang mendadak pada masa ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara sebab utama yang menyumbang kepada kenaikan harga racun rumpai yang mendadak pada masa ini adalah disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Situasi ini telah menyebabkan berlaku:

- i. Pengurangan tenaga kerja yang memberi implikasi kepada jumlah pengeluaran yang rendah dan tidak dapat memenuhi permintaan yang tinggi;
- ii. Kesukaran memperolehi bahan mentah semasa tempoh pandemik;
- iii. Kenaikan kos logistik disebabkan tempoh berlabuh yang perlu mematuhi SOP; dan

## SOALAN NO : 40

- iv. Kenaikan kadar tukaran mata wang asing.

Bagi membantu mengurangkan kesan kenaikan harga racun, Kementerian melalui Jabatan dan Agensi mengambil inisiatif dan langkah-langkah berikut:

- i. Menggalakkan petani mengamalkan Pengurusan Perosak Bersepadu (*Integrated Pest Management*) bagi mengurangkan ketergantungan terhadap racun kimia melalui kawalan secara kultural, kawalan fizikal dan kawalan biologi;
- ii. Menggalakkan dan mempromosikan penggunaan input pertanian berasaskan mikroorganisma berfaedah (*Effective Microorganism*) seperti 'Plant Booster', 'Growth Enhancer' dan 'Bokashi';
- iii. Menggalakkan penggunaan bahan sisa tanaman seperti jerami padi untuk dijadikan baja kompos; dan
- iv. Menjalankan aktiviti pengembangan bagi mendidik petani untuk menggunakan baja dan racun mengikut keperluan dan sukatan yang tepat dengan teknik-teknik yang betul supaya penggunaan baja dan racun adalah berkesan.

Sekian, terima kasih